



(http://www.upm.edu.my)

Selamat Datang Ke Laman Portal


**Universiti Putra Malaysia**

(https://www.malaysia.gov.my/portal/index)

AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19)  
 KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan\_kampus-18)

Entiti Kami

Dokumen

 (/) » BERITA (/BERITA) » Kitar semula bahan untuk hasilkan tenaga, biochar

Senarai Berita (/berita)

## Kitar semula bahan untuk hasilkan tenaga, biochar

Oleh: Dr. Daljit Singh Karam Singh

KLANG – Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Persatuan Biochar Malaysia (BMA) mengadakan lawatan ke kilang pengurusan buangan terjadual Tex Cycle (P2) Sdn Bhd (Tex Cycle) di sini untuk meneliti dan mempelajari konsep 'negatif karbon' yang dipraktikkan oleh syarikat itu.

Lawatan tapak itu juga disertai oleh wakil daripada Manipal University, Nilai, Indah Water Konsortium dan GoGreen.



Presiden BMA, Dr. Amran Salleh, yang juga pensyarah di Fakulti Kejuruteraan, UPM berkata pemprosesan bahan buangan yang sudah dirawat untuk dijadikan tenaga daripada biojisim tertentu, bukan perkara yang baharu, namun tidak ramai yang mengetahui mengenai produk-produk yang boleh dihasilkan.

"Di Tex Cycle, mereka menguruskan bahan buangan itu yang dijadikan bekalan tenaga untuk kegunaan elektrik. Sisa-sisa bahan buangan seperti serpihan kayu-kayan diproses menjadi biochar," katanya.

Biochar adalah arang yang terbentuk daripada bahan-bahan biojisim seperti kayu, sisa-sisa pertanian dan sisa-sisa ternakan. Biochar diguna sebagai bahan tambah ke atas

### LIHAT JUGA



UPM cipta sejarah, raih dua emas sepak takraw Sukan Arafura, Darwin (/berita/upm\_cipta\_sejarah\_raih\_dua\_emas\_sepak\_takraw\_sukan\_arafura\_darwin-49637)

Newsletter



Tujuh daripada 27 Felo Akademi Sains Malaysia baharu dari UPM (/berita/tujuh\_daripada\_27\_felo\_akademi\_sains\_malaysia\_baharu\_dari\_upm-49603)

Tetapan



100 pelajar jayakan program sulung Unity Rewang PMIUPM (/berita/100\_pelajar\_jayakan\_program\_sulung\_unity\_rewang\_pmiupm-49601)



Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM Serdang  
 Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

📠 +603 8948 7273

✉ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

tanah dan banyak kajian yang dilakukan membuktikan biochar dapat membantu meningkatkan kesuburan tanah dan hasil tanaman serta mengurangkan aplikasi baja kimia.

Ia dapat membantu pengusaha tanaman mengurangkan kos baja. Biochar juga memberi impak positif kepada alam sekitar kerana membantu dalam penyusutan karbon.

Pengarah syarikat Tex Cycle, Ho Siew Cheong pula berkata pihaknya sentiasa membuka peluang kepada mana-mana institusi pendidikan dan penyelidikan yang berminat untuk bekerjasama dalam penghasilan produk daripada bahan buangan yang boleh di kitar semula.

"Kita harus sedar bahawa bahan buangan adalah sumber yang sentiasa ada dan bertambah setiap hari. Jika pembuangan sampah di tapak pelupusan dilakukan secara tidak sistematik, ia akan menyebabkan pencemaran air, tanah dan udara," katanya.

Beliau berkata proses kitar semula bahan buangan tertentu untuk dijadikan tenaga dan biochar adalah seiring dengan visi syarikat iaitu mengamalkan kemapanan dalam setiap aspek perniagaan dengan mencapai sifar sisa melalui memaksimumkan sumber.

BMA dan Tex Cycle (P2) Sdn Bhd akan bekerjasama dalam bidang penyelidikan dalam menyelesaikan masalah karbon dalam skala yang lebih besar melalui pertukaran teknologi serta kepakaran.



Tex Cycle menyediakan perkhidmatan profesional dalam bidang pengurusan buangan terjadual dengan kaedah yang tidak membahayakan alam sekitar. – UPM

Tarikh Input: 07/05/2019 | Kemaskini: 07/05/2019 | hairul\_nizam

#### PERKONGSIAN MEDIA

([https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fkitar\\_semula\\_bahan\\_untuk\\_hasilkan\\_tenaga\\_biochar-49239&title=Kitar%20Semula%20Bahan%20Untuk%20Hasilkan%20Tenaga%20Biochar%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia](https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fkitar_semula_bahan_untuk_hasilkan_tenaga_biochar-49239&title=Kitar%20Semula%20Bahan%20Untuk%20Hasilkan%20Tenaga%20Biochar%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia))

([/facebook](#)) ([/twitter](#)) ([/google\\_plus](#)) ([/linkedin](#)) ([/email](#))

([/copy\\_link](#)) ([/wordpress](#)) ([/print](#))

#### HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA

☎ 1800 22 5587

#### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar  
Negara (<http://bursar1.upm.edu.my/spln/>)

Sistem Ilmu Sumber Manusia  
(SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)  
KM Portal (<http://km.upm.edu.my>)

#### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan  
Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)

Perbadanan Tabung Pendidikan  
Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)  
Multimedia Super Corridor

#### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN  
([/entiti](#))

Statistik Transaksi Laman Web  
(<http://www.upm.edu.my/statistik>)  
Tender & Kontrak  
(<http://etender.upm.edu.my/>)

**PUTRA**  
UGroup  
(<http://www.putra.upm.edu.my>)


**PORTAL**  
UPM  
(<http://portal.upm.edu.my>)

+603 8948 7273  
marketing@upm.edu.my  
TALIAN KECEMASAN  
BAHAGIAN  
KESELAMATAN UPM  
(24 JAM)  
03-9769 7990 | 03-9769  
7470 |  
03-9769 1999

/kmportalweb/portal  
/render.action?method=home)  
Jawatan Kosong  
(http://spj.upm.edu.my/)  
Sistem Baik Pulih ICT  
(http://zonict.upm.edu.my/)  
Putra Learning Hub  
(http://learninghub.upm.edu.my/)  
Sistem Pengurusan Perubatan  
(http://regmedic.upm.edu.my/)  
Sistem E-Claim  
(http://eclaims.upm.edu.my/login/)  
i-GIMS (staf)  
(http://www.sps.upm.edu.my:8080  
/igims/index.jsp)  
i-GIMS (pelajar pascasiswazah)  
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080  
/sgsportal/)  
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar  
prasiswazah)  
(http://smp.upm.edu.my  
/smp/action/security  
/loginSmpSetup)

(https://mdcc.my/msc-malaysia/)  
Portal myGovernment  
(https://www.malaysia.gov.my  
/en/home)  
Agensi Kelayakan Malaysia  
(http://www.mqa.gov.my/)

Laporan Piagam Pelanggan  
(http://www.upm.edu.my  
/mengenai\_kami/maklumat\_korporat  
/piagam\_pelanggan-8202)  
Dasar UPM  
(http://www.pnc.upm.edu.my  
/mengenai\_kami/dasar\_universiti-5601)  
Sistem Pengurusan ISO  
(http://reg.upm.edu.my/spk\_upm/)  
Dana Wakaf Ilmu  
(http://www.wazan.upm.edu.my)  
Penerbitan UPM  
(http://www.upm.edu.my/kandungan  
/Penerbitan\_UPM-29859)  
Tahwim UPM 2019  
(http://www.upm.edu.my/upload  
/dokumen  
/20190308094006TAKWIM\_2019\_1.pdf)



BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar\_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)  
Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)  
UPM online (/footnote/upm\_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar\_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL  HANTAR

© 2019 Universiti Putra Malaysia

